

Kenyataan saya betulkan salah anggap: Dr M

BH - 15/4/2006

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata beliau mempunyai tanggungjawab sosial dan moral untuk memaklumkan kepada orang ramai mengenai salah laku seks oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Mahathir dalam pernyataan pembelaannya terhadap saman malu RM100 juta yang difailkan Anwar berkata, kenyataannya mengenai salah laku seks itu yang dibuat ketika satu sidang media pada 9 September 2005, adalah munasabah, bertanggungjawab dan sesuai.

Beliau juga menegaskan tiada sebab untuk meragui bahawa bekas timbalannya itu terbabit dalam perbuatan jenayah yang bercanggah dengan Islam.

"Kenyataan itu adalah jawapan kepada dakwaan bahawa Malaysia mempunyai kerajaan totalitarian (pemerintahan satu parti politik saja) di bawah kepemimpinan saya.

"Soalan yang diajukan memerlukan penjelasan mengapa saya mengambil tindakan terhadap plaintif dan memerlukan saya untuk membetulkan salah tanggapan pihak media bahawa saya 'mempunyai sesuatu' terhadap plaintif

"Berikutan itu saya menjelaskan kenapa seorang homoseksual tidak boleh diterima dalam Kabinet saya, dalam kerajaan Malaysia, khususnya mengambil kira orang itu mungkin menggantikan saya dan menjadi Perdana Menteri.

"Ini menjadikannya tidak layak untuk memegang jawatan politik di Malaysia, termasuk sebagai Perdana Menteri.

"Soalan yang diajukan juga adalah mengenai rekod hak asasi manusia ketika saya menjadi Perdana Menteri, secara spesifik layanan saya terhadap plaintif.

"Ini adalah satu subjek yang mempunyai kepentingan kepada orang dalam dan luar Malaysia," katanya.

Dr Mahathir menegaskan kenyataannya hanya bagi menjawab soalan yang diajukan ketika sidang akhbar itu yang diadakan di sebuah hotel.

Berikutan itu, Dr Mahathir berkata beliau mempunyai keistimewaan yang diberikan oleh statut (akta) yang melindunginya dalam keadaan sedemikian, seperti yang dinyatakan

dalam Akta Fitnah.

Katanya, sebarang laporan yang adil dan tepat ketika sidang akhbar itu juga dilindungi mengikut undang-undang lazim.

Dr Mahathir berkata, persidangan anjuran Suhakam itu bertemakan 'Hak Asasi Manusia dan Globalisasi' dan dihadiri ramai diplomat dan wartawan selain orang awam.

Pernyataan pembelaan Dr Mahathir itu difailkan melalui Tetuan V K Lingam & Co di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sivil di sini, jam 9 pagi semalam.

Selain itu, Dr Mahathir turut merujuk kepada kes terhadap Sukma Darmawan Sasmitaat Madja dan Dr Munawar Ahmad Anees yang masing-masing dihadapkan ke mahkamah pada September 1998 atas tuduhan melakukan kelucahan melampau dengan Anwar.

Katanya, rayuan Sukma dan Dr Munawar terhadap sabitan dan hukuman juga ditolak.

Malah, beliau berkata, Anwar juga didapati bersalah atas tuduhan berkeenaan pada 30 April 2001 walaupun dibebaskan selepas rayuannya dibenarkan Mahkamah Persekutuan pada 2 September 2004 atas sebab teknikal.

Anwar pada 27 Januari lalu, memfailkan saman fitnah terhadap Dr Mahathir menuntut ganti rugi khas, teruk dan teladan selain injunksi untuk menghalang defendan daripada terus mengeluarkan kenyataan sedemikian.

“Dakwaan bahawa kenyataan itu diterbitkan 'secara palsu dan dengan niat jahat' adalah sia-sia kerana perkara itu benar secara inti pati dan faktanya”

Dr Mahathir Mohamad
Bekas Perdana Menteri